

Mesti maju 2020, gesaan PM sempena 60 tahun UMNO

Melayu tiada pilihan

UM - 12/05/06

Oleh ZAHARUDDIN MD ALI

JOHOR BAHRU 11 Mei - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini mengajak seluruh orang Melayu berusaha gigih untuk mencapai kejayaan bagi memastikan mereka muncul sebagai kaum yang maju pada 2020.

Menurut Presiden UMNO, orang Melayu tiada pilihan lain, kecuali menjadikan inisiatif itu satu kejayaan dan pada masa itu kelak, ia akan menjadi satu lagi hadiah yang amat bermakna kepada kaum Melayu.

Katanya, jika sebelum ini Datuk Onn Jaafar menghadiahkan orang Melayu erti bekerja berpasukan, UMNO pula menghadiahkan nilai kemerdekaan kepada mereka.

● Lagi berita, gambar sambutan Ulang Tahun UMNO Ke-60 - Muka 2, 4, 13, 16

"Kita ada tahun 2020 dan kita perlu menjadikan ia sebagai satu inisiatif yang perlu dicapai kerana kita mahu pada tahun 2020 ia menjadi satu lagi hadiah kepada bangsa kita.

"Jangan kita lepaskan peluang ini (Wawasan 2020) kerana kita mahu pada ketika itu negara Melayu bangsa maju, negara Malaysia negara maju," tegas beliau.

Beliau berkata demikian ketika berucap di hadapan kira-kira 60,000 ahli-ahli UMNO sempena ulang tahun parti itu ke-60 di pekarangan Istana Besar Johor di sini hari ini.

Turut sama pada majlis itu ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, yang juga Timbalan Presiden UMNO, Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Johor, Datuk Abdul Ghani Othman dan pemimpin-pemimpin UMNO yang lain.

Bekas Perdana Menteri yang juga bekas Presiden UMNO, Tun Dr. Mahathir Mohamad serta isteri, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali adalah antara yang turut menghadiri sambutan itu.

Turut serta ialah bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Musa Hitam serta beberapa orang bekas menteri Kabinet.



BERSEJARAH... Sultan Johor, Sultan Iskandar Sultan Ismail dan Sultanah Zanariah serta Abdullah Ahmad Badawi bersama para pemimpin UMNO pada sambutan Ulang Tahun UMNO Ke-60 di pekarangan Istana Besar di Johor Bahru, semalam. Turut kelihatan Tunku Mahkota Johor, Tunku Ibrahim Ismail, Najib Tun Razak dan Dr. Mahathir Mohamad.